No. 23 Vol. 01 (2023)
ISSN: 1823-4313 / e-ISSN: 2785-9169
https://ejournal.unipsas.edu.my/

KAJIAN KEBERKESANAN IQRA' BERBANDING KAEDAH BAGHDADI, AL-BARQY DAN ABAHATA AL-JABARI TERHADAP KEMENJADIANMURID DI DAERAH PEKAN PAHANG

A STUDY OF THE EFFECTIVENESS OF IQRA' COMPARING METHODS OF BAGHDADI, AL-BARQY AND ABAHATA AL-JABARI ON STUDENT EFFECTIVENESS IN PAHANG TOWN DISTRICT

Azrul Hisyam bin Mohamad Rasidi[1], Muhammad Fadlly bin Ismail[1]
[1] Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Perkembangan Artikel

Diterima: 14 September 2022
Disemak: 29 Januari 2023
Diterbit: 31 Januari 2023

* Corresponding Author:
Azrul Hisyam bin Mohamad Rasidi
Fakulti Pengajian Islam Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Email: ceroi7781@yahoo.com

Abstrak

Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti keberhasilan kaedah Iqra' yang dilaksanakan dalam PdPc khatam al-Quran dan tasmik di seluruh sekolah kebangsaan daerah Pekan, Pahang. Kajian ini melibatkan sejumlah 181 responden yang terdiri daripada 100 orang murid dari lapan buah sekolah di daerah Pekan, 40 orang guru pendidikan Islam (GPI) daerah Pekan dan 41 orang ibu bapa penjaga yang dipilih secara rawak. Dapatan data yang diperolehi, dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS (Statistic Package Science Social) versi 20 yang dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, peratus dan min. Bagi menguatkan kajian kuantitatif, kaedah pemerhatian, temubual dan kajian perpustakaan dilakukan. Hasilnya, kajian ini mendapati pencapaian al-Quran bagi murid daerah Pekan berada pada tahap sederhana iaitu 51.57% menguasai, persepsi guru terhadap kaedah Iqra' berada pada tahap sederhana dengan purata min=3.63, persepsi murid terhadap kaedah Iqra' berada pada tahap tinggi dengan purata min=3.91 dan persepsi ibu bapa penjaga berada pada tahap tinggi dengan purata min=3.71. Manakala hasil kaedah pemerhatian, temubual dan perpustakaan yang dilakukan mendapati kaedah al-Baghdadi, al-Barqy dan Abahata al-Jabari berkemampuan memberi impak yang lebih baik terhadap kemenjadian murid di daerah Pekan untuk menguasai kemahiran al-Quran dalam tempoh masa yang ditetapkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Kata kunci: *Iqra', al-Baghdadi, al-Barqy, Abahata Al-Jabari, keberkesanan*

Abstract

This study was conducted to identify the success of the Iqra' method implemented in PdPc khatam al-Quran and tasmic in all national schools in Pekan district, Pahang. This study involved a total of 181 respondents consisting of 100 students from eight schools in Pekan district, 40 Pekan district Islamic education teachers (GPI) and 41 randomly selected guardian parents. The data obtained was analyzed using IBM SPSS software (Statistical Package Social Science) version 20 which was presented in the form of frequency, percentage and mean. In order to strengthen the quantitative research, methods of observation, interview and library research were carried out. As a result, this study found that the achievement of al-Quran for students in the Pekan district is at a moderate level, which is 51.57% proficient, the teacher's perception of the Iqra' method is at a moderate level with an average mean=3.63, the students' perception of the Iqra' method is at a high level with an average mean=3.91 and the perception of guardian parents is at a high level with an average mean=3.71. While the results of the observation, interview and library methods conducted found that the methods of al-Baghdadi, al-Barqy and Abahata al-Jabari are able to have a better impact on the development of students in the Pekan district to master the Quranic skills within the time period set by the Ministry of Education Malaysia (MOF).

Keywords*: Iqra', al-Baghdadi, al-Barqy, Abahata Al-Jabari, effectiveness, existenc*

PENGENALAN

Membaca adalah sebahagian kaedah memperoleh ilmu. Menurut Tarigan (1984) membaca merupakan proses yang dilakukan serta digunakan oleh pembaca untuk memperoleh pesan yang disampaikan penulis melalui media penulisan. Manusia yang di amanahkan menjadi khalifah di muka bumi diberi potensi akal bagi mengembangkan potensi diri. Secara nalurinya manusia memiliki perasaan ingin tahu yang sangat tinggi. Melalui perasaan ingin tahu ini manusia cuba menggali segala bentuk ilmu pengetahuan khususnya berkaitan ilmu mengenal Allah SWT.

Sumber utama pengetahuan umat Islam ialah al-Quran. Kemunculan kelas-kelas pengajian al-Quran di peringkat rendah dan menengah seperti KAFA, PASTI, SRITI, Sekolah Rendah Islam (SRI) dan Pra Tahfiz merancakkan lagi perkembangan pengajian al-Quran di Malaysia. Hasilnya, wujud budaya fikir di kalangan intelektual Islam. Puluhan kaedah serta teknik bagi memudahkan penuntut menguasai al-Quran dengan baik seperti al- Baghdadi, al-Barqy, Qiraati, Kalam, Haraki, Abahata al-Jabari, al Musyassar, Hatta'iyah, al Furqan dan Nur al-Yaqeeen telah di perkenalkan di Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Islam (BPI) turut tidak ketinggalan memperkenalkan kaedah Iqra' di sekolah rendah bermula 2005. Kaedah ini kemudiannya di aplikasi melalui dua modelnya iaitu model khatam al-Quran dan model tasmik melalui program j-QAF. J-QAF singkatan bagi jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardhu ain adalah program pendidikan peringkat rendah yang di perkenal bagi memperkasakan pendidikan Islam

sekolah rendah. Ia adalah hasil cetusan idea Perdana Menteri kelima iaitu Dato' Seri Haji Abdullah bin Ahmad Badawi. Walaupun kini program j-QAF telah dimansuhkan, namun model-model j-QAF masih diteruskan dan memberi impak yang signifikan terhadap perkembangan murid dalam menguasai bacaan al-Quran di peringkat rendah.

PERNYATAAN MASALAH

Setelah hampir 18 tahun kaedah Iqra' di perkenalkan melalui sistem pendidikan Malaysia, ia telah membantu dalam meningkatkan penguasaan al-Quran dikalangan murid sekolah rendah khususnya di daerah Pekan, Pahang. Berdasarkan pelaporan pencapaian model khatam al-Quran 2022 bagi bulan Mei sejumlah 4675 (42.8%) murid telah menguasai al-Quran. Dari jumlah itu seramai 1087 (9.95%) dikalangan mereka yang telah khatam al-Quran.

Namun walaupun begitu, jika dibandingkan murid yang masih membaca Iqra' jumlahnya jauh lebih besar iaitu 6179 (56.6%). Maka penyelidik berpendapat kaedah Iqra' gagal mencapai objektif yang ditetapkan iaitu murid dapat menguasai al-Quran seawal tahun dua. Maka kajian perlu dilakukan dalam mengenal pasti persepsi guru, murid dan ibu bapa penjaga terhadap penggunaan kaedah Iqra' dalam PdPc al-Quran. Oleh kerana penguasaan al-Quran dikalangan murid menjadi agenda utama dalam memperkasakan pendidikan Islam di sekolah rendah maka kajian perlu melihat kebarangkalian wujud kaedah lain yang dapat menambah baik kaedah Iqra'. Untuk tujuan itu kajian ini telah memilih kaedah al-Baghdadi, Abahata al-Jabari dan al-Barqy sebagai satu kajian perbandingan dengan kaedah Iqra'. Rasional pemilihan ini kerana ia mempunyai pendekatan dan penekanan yang berbeza dengan kaedah Iqra'. Di samping itu terdapat kelas pengajian al-Baghdadi dan Abahata al- Jabari di daerah Pekan .

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

a. Mengenal pasti tahap penguasaan al-Quran murid sekolah rendah daerah Pekan, Pahang.
b. Mengenal pasti persepsi guru, murid dan ibu bapa penjaga terhadap penggunaan kaedah Iqra' semasa PdPc al-Quran.
c. Membanding beza kekuatan kaedah al-Baghdadi, al-Barqy dan Abahata al-Jabari berbanding kaedah Iqra'.
d. Memberikan cadangan bagi tujuan penambahbaikan dalam memperolehi maksud kemenjadian murid yang diharapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

DEFINISI OPERASIONAL

i. Kaedah Iqra'

Kaedah Iqra' yang diasaskan oleh Ustaz As'ad Hummam di Indonesia adalah pengubahsuaian

dari kaedah *Baghdadiyah* (Syeid Nusailah, 2018). Kaedah ini dijana dengan menggunakan satu set buku kaedah pembacaan Iqra' yang mempunyai enam tahap pembacaan yang ditulis menggunakan rasm Utsmani. Ia disusun secara lengkap dan sistematik dengan huruf yang seimbang (Jasmi et.al 2013). Kaedah ini menekankan kepada pembacaan secara terus iaitu tidak dieja terlebih dahulu seperti kaedah *Baghdadiyah* (Ishak Sulaiman et.al 2013 dan Syeid Nusailah 2018). Kaedah Iqra' juga menggunakan teknik pengajaran *Cara Belajar Murid Aktif* (CBMA) iaitu guru mengajar beberapa kali sehingga pelajar memahaminya, kemudian murid membaca sendiri dengan pengawasan guru (Mustafa Che' Omar et al. 2015). Iqra' mula diperkenalkan melalui sistem pendidikan negara bermula pada tahun 2005 di 1221 buah sekolah seluruh Malaysia sebagai kohort pertama dengan unjuran semua sekolah di seluruh negara akan mengguna pakai kaedah ini pada tahun 2010. Sehingga kini semua sekolah rendah di Malaysia mengguna pakai kaedah Iqra' sebagai kaedah asas pengajaran al-Quran.

ii. **Kaedah Al-Baghdadi**

Kaedah yang dicipta oleh Jalaluddin bin Haji Hassanuddin menggunakan pendekatan pembelajaran bahasa global (SAS). Ia turut menggunakan alat ketukan dan pendekatan neurofisiologi dalam hafazan al-Quran. Selain itu kaedah ini telah menerima empat pengiktirafan dari *Malaysia Book of Records*. Sejumlah 1422 buah pusat pengajian di seluruh negara iaitu *Al-Baghdadi Learning Centre* (ALC) terdiri daripada *Nadi Al-Baghdadi Centre* (NAC) 269 buah (18%), *Al-Baghdadi Playtime Centre* 217 (15%) *Al-Baghdadi Prenatal Education Centre* (APC) 22 buah (2%), *Al-Baghdadi Childcare Centre* (ACC) 61 buah (4%), *Sek.Ren. Integrasi Tahfiz NADI (SRI Nadi)* 11 buah (1%) dan *Al-Baghdadi Quranic Language Centre* (AQLC) 13 buah (1%). Terdapat satu pusat pengajian al-Baghdadi di daerah Pekan

iii. Kaedah Abahata Al-Jabari

Kaedah yang dibangunkan oleh Drs Yusuf Sodik ini mengandungi teknik menghafal huruf jawi tunggal atau bersambung mengikut *selawat Badar* yang dikenali teknik *Titian Ingatan*. Di Malaysia kaedah ini telah di urus tadbir oleh Institut Pengajian al-Quran (IPaQ) sebuah badan khas yang di selenggarakan oleh Yayasan Semesta Berdaftar Malaysia yang berpusat di Masjid Tun Abdul Aziz Petaling Jaya Selangor. IPaQ bertanggungjawab memperkenalkan kaedah ini di Malaysia . Selain itu ia bertanggungjawab melatih para guru melalui kursus yang dikenali *Program Latihan Tenaga Pengajar* (TOT). Kaedah ini telah membuka kelas pengajiannya di Kompleks Rahah, Pekan bermula 2012.

iv. Kaedah al-Barqy

Kaedah al-Barqy direka oleh Muhadjir Sulthon. Menggunakan *Struktur Analitik Sintetik* (SAS) yang memudahkan murid belajar al-Quran. Ia menekankan kaedah penulisan, imlak, permainan dan nyanyian. Teknik ini dilihat dapat menarik minat murid dengan pendekatan yang diterapkan. Kaedah ini juga melakukan latihan perguruan bagi para pelatihnya.

SOROTAN KAJIAN

Al-Quran menggunakan tulisan dan bacaan Arab. Walaupun tulisan jawi sudah tersebar sejak kemasukan pengaruh Islam ke Tanah Melayu namun disebabkan arus pemodenan, tulisan ini mula dipinggirkan. Sedangkan mahir membaca dan menulis jawi menjadi kebanggaan golongan cerdik pandai pada masa itu (Abd Jalil Borham 2012). Ia juga disebabkan dasar penjajah ketika itu yang lebih mengutamakan pendidikan sekular. Hasilnya, murid tidak mampu membaca jawi dengan baik dan seterusnya ia memberi kesan kepada penguasaan al-Quran dikalangan murid.

Namun kini usaha memperkasakan al-Quran di peringkat rendah telah dijenamakan semula dengan pendekatan j-QAF yang mengguna pakai kaedah Iqra' dalam sistem pendidikan Malaysia. Kaedah Iqra' diasaskan oleh Ustaz As'ad Humam dari Jogjakarta Indonesia. Pada umumnya ia menggunakan kaedah lihat dan baca terus tanpa mengeja terlebih dahulu. Banyak kajian yang dihasilkan oleh ahli akademik dan sarjana berkenaan metodologi j-QAF. Antara kajian yang pernah dilakukan oleh Mohd Alwi Yusoff (2013) *Keberkesanan Metod Iqra' Sebagai Kaedah Pengajaran dan pemudahcaraan Al- Quran*. Hasil kajian kualitatif beliau melalui temubual dengan guru, terdapat kesulitan dalam proses pembelajaran seperti tidak ada buku panduan khusus serta kursus intensif penggunaan Iqra' semasa PdPc *tasmik*, buku Iqra' yang tidak menarik dan kurangnya aktiviti sampingan dalam PdPc. Namun secara keseluruhannya beliau berpendapat kaedah ini berupaya memberi kesan yang baik walaupun terdapat kelemahan tertentu.

Norsyida Md Zin , Sedek Arifin , Nor Hidayah Yusoff (2014) melalui kajian *Keberkesanan Teknik Iqra' dan al-Baghdadi: Suatu Perbandingan* telah mencadangkan agar kaedah al-Baghdadi di aplikasikan kepada murid yang lemah kerana Iqra' di lihat kurang berkesan sekiranya melibatkan jumlah murid yang ramai berbanding kaedah al- Baghdadi yang berupaya mewujudkan suasana aktif di dalam kelas dengan teknik ketukan. Mohd Azmir dan Mohd Azrani (2010) telah menyenaraikan tiga isu pengajaran dan pemudahcaraan kaedah Iqra' iaitu:

i. Tempoh masa enam bulan untuk murid tahun satu menguasai Iqra' tidak mencukupi. Guru dan murid terbeban dalam memenuhi kehendak KPM. Berdasarkan unjuran KPM, buku Iqra' hendaklah di baca 2-5 muka surat pada setiap minggu, namun hakikatnya ia sukar dilakukan.
ii. Murid tahun 2-5 dipaksa mengikuti bacaan al-Quran walaupun tidak menguasai Iqra'. Keadaan ini akan menyebabkan murid Iqra' akan jauh ketinggalan dalam menguasai kemahiran Iqra' dan kesannya ia akan mewujudkan jurang yang ketara dengan murid yang membaca al-Quran.
iii. Kekurangan buku Iqra'. Ia berlaku disebabkan buku Iqra' yang dibekalkan oleh KPM tidak mencukupi dengan jumlah bilangan murid. Manakala buku yang terdapat di pasaran berbeza dengan buku yang disediakan oleh KPM.

Selain itu pihak swasta , NGO dan individu tertentu turut terlibat dalam merancakkan lagi budaya al-Quran masyarakat Malaysia seperti Al-Baghdadi Learning Centre (ALC), Institut

Pengajian al-Quran (IPaQ) dan kelas-kelas pengajian Qira'ati. Beberapa inovasi hasil dari penciptaan kaedah lain seperti Kaedah Al Kalam iaitu *Kaedah Mudah Belajar Membaca al-Quran Bertajwid "KALAM" : Satu Kajian Ringkas* oleh *Muhammad Mustaqim Mohd Zarif*, Kaedah Haraki melalui kajian *Kaedah Haraki : Satu Inovasi Dalam Pengajaran Al-Quran* (2013) *Zakaria bin Din @ Nasirudin* juga telah direka. Beliau telah menemukan satu kaedah pembelajaran yang menggunakan gerakan tangan dan intonasi suara.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif ini akan disokong kaedah pemerhatian, temubual dan kajian perpustakaan khususnya dalam mengenal pasti perbezaan kaedah Iqra' dengan tiga kaedah lain. Persampelan rawak berstrata (stratified random sampling) diguna pakai dalam menentukan sampel yang akan dipilih berdasarkan tiga kategori responden iaitu guru, murid dan ibu bapa penjaga.

Seramai 181 responden terlibat dalam soal selidik ini. Responden terdiri daripada 40 orang guru, 100 orang murid dan 41 orang ibu bapa penjaga. Pemilihan responden di kalangan guru dan ibu bapa penjaga dipilih secara rawak. Manakala responden dikalangan murid terdiri dari seperti SK Sri Maulana (15 orang), SK Seri Terentang (15 orang), SK Pekan Jaya (15 orang), SK Ahmad (15 orang), SK Temai (8 orang), SK Pasir Panjang (7 orang), SK Peramu Jaya (20 orang) dan SK Tanjung Medang (5 orang). Rasional pemilihan responden adalah bagi mendapatkan keputusan yang tepat bagi mewakili keseluruhan populasi kerana ia melibatkan responden di bandar, luar bandar dan kawasan felda.

Instrumen kajian ini dijana dengan menggunakan borang soal selidik kerana ia dapat memjimatkan masa dan tenaga serta dapat mengurangkan kos berbanding kaedah- kaedah lain. Soalan soal selidik mengandungi soalan tertutup (skala likert) dan soalan terbuka (cadangan dan pendapat) untuk dijawab oleh responden. Semua maklumat yang diperolehi akan diklasifikasi mengikut aspek yang ditentukan dalam kajian kuantitatif. Soal selidik ini berpandukan kajian yang dilaksanakan oleh Fahimah Ali Hassan (2013), Tamuri et al. (2013), Nurfadilah Mohamad et al. (2013), Paharudin Arbain (2013) dan Zuraidah bt Othman (2013).

Data yang perolehi akan di analisis menggunakan perisian *IBM Statistic SPSS* 20.0 bagi memperoleh nilai min, peratusan dan kekerapan. Skala likert tiga mata akan digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Penyelidik mentafsir julat min kepada tiga tahap iaitu tahap tinggi (3.67-5.00), tahap sederhana (2.34-3.66) dan tahap rendah (1.00-2.33).

Manakala kaedah pemerhatian dilakukan terhadap kaedah al-Baghdadi dan Abahata al-Jabari. Tinjauan pemerhatian lebih tertumpu kepada proses PdPc yang dilakukan iaitu bermula dari set induksi sehingga penutup. Satu set instrumen tinjauan telah dibina bagi memudahkan penyelidikan dilakukan. Kaedah temubual juga dilakukan terhadap guru- guru kaedah al-Baghdadi dan Abahata al-Jabari. Soalan temubual dilakukan secara berstruktur. Manakala bagi kaedah al-Barqy kajian perpustakaan telah dilakukan kerana tiada premis di daerah Pekan dan daerah yang berdekatan.

Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik. Kebenaran telah diperolehi dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kerajaan (EPRD) KPM dan Jabatan Pendididikan Negeri Pahang (JPNP) bagi menjalankan kajian soal selidik di sekolah terpilih di daerah Pekan. Soal selidik ini kemudian akan dikumpul dan dikembalikan semula kepada penyelidik melalui guru berkenaan dalam tempoh satu minggu. Rasional tempoh satu minggu yang diberikan kepada responden disebabkan kesukaran bagi responden dari kalangan guru dan ibu bapa memulangkannya dalam tempoh masa 1 hari. Manaka kajian kualitatif menggunakan satu instrumen kajian tinjauan pemerhatian. Penyelidik telah memohon kebenaran dari Tadika Islam Baitur Rahah bagi menjalankan kajian kaedah Abahata al-Jabari pada 18 Mac 2022. Manakala permohonan bagi menjalankan kajian kaedah al-Baghdadi penyelidik telah memohon kajian daripada al-Baghdadi Learning Center (ALC) Pekan bagi menjalankan pada 13 Mac 2022.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan hasil kajian dan perbincangan objektif kajian yang telah ditetapkan. Dapatan kajian berpandukan persoalan kajian seperti berikut :

a. Sejauh mana tahap penguasaan al-Quran murid daerah Pekan, Pahang ?

Bagi menjawab soalan di atas kajian perpustakaan dengan mendapatkan maklumat pencapaian model khatam al-Quran bagi tahun semasa dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pekan. Penguasaan murid di daerah Pekan boleh dirujuk berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 1: Pencapaian model khatam al-Quran daerah Pekan bagi bulan Mei 2022

TAHUN	Jum Murid	Iqra' 1-3	Iqra' 4-6	Al-Quran	Khatam
Satu	1860	1556	220	83	1
Dua	1940	736	838	349	17
Tiga	1840	404	769	614	53
Empat	1760	145	645	830	140
Lima	1773	75	470	895	333
Enam	1741	22	299	877	543
Jumlah	**10914**	**2938**	**3241**	**3648**	**1087**
Jumlah Keseluruhan		**6179 (56.6 %)**		**4675 (42.8%)**	

Berdasarkan Jadual 1, jumlah bilangan murid menguasai Iqra' sejumlah 4675 (42.8%) berbanding 6179 (56.6%) murid yang masih membaca Iqra' 1-5. Manakala seramai 321 (18.43%) orang murid tahun enam masih lagi membaca Iqra' walaupun kemahiran tersebut perlu dikuasai seawal tahun satu. Maka penyelidik merumuskan bahawa penguasaan al-Quran di kalangan murid sekolah rendah daerah Pekan bagi bulan Mei 2022 berada pada tahap sederhana. Oleh itu terdapat asas yang kukuh bagi penyelidik melakukan kajian keberkesanan kaedah Iqra' dalam sistem pendidikan Malaysia.

b. **Sejauh mana persepsi guru, murid dan ibu bapa penjaga terhadap penggunaan kaedah Iqra' semasa PdPc al-Quran?**

Bagi menjawab soalan ini, penyelidik mengguna pakai pendekatan kajian soal selidik dengan memberikan set soalan kepada tiga kelompok responden yang terdiri daripada guru, murid dan ibu bapa penjaga. Berikut adalah hasil dapatan soal selidik.

i. Responden Guru

Jadual 2: Analisis keseluruhan responden guru

Item	Pemboleh Ubah	No Soalan	Min	Purata Min
B	Pemahaman Guru	6 - 14	31.86	3.54
C	Pemantauan & Latihan	15-18	14.91	3.73
D	Strategi PdPc	19-27	33.30	3.70
Keseluruhan			**80.07**	**3.63**

Berdasarkan analisis keseluruhan di dapati persepsi guru terhadap penggunaan kaedah Iqra' berada pada tahap sederhana iaitu M=3.63. Pemboleh ubah 6, 7, 8, 16, 17, 18, 19, 20, 22 dan 23 pada tahap tinggi. Pemboleh ubah 6 "*Kaedah Iqra' sebahagian dari kaedah asas pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) al- Quran"* berada pada kedudukan tertinggi iaitu M=4.10. Pemboleh ubah 9, 10,11, 12, 13, 14, 15, 21, 24, 25, 26 dan 27 berada pada tahap sederhana. Pemboleh ubah 14 iaitu *"Tempoh masa PdPc Iqra' hanya di tahun satu bagi menghabis Iqra' 1-6 dilihat berjaya mencapai matlamatnya berada pada kedudukan terendah"* iaitu Min=2.92. Dapatan ini menunjukkan responden di kalangan guru berpendapat kaedah Iqra' berupaya memberi kesan yang signifikan namun pada tahap yang sederhana terutama dari segi pelaksanaan kaedah Iqra' perlu dilakukan secara berhati-hati. Pengukuhan kaedah Iqra' perlu dilakukan dengan tidak tergesa-gesa bagi memastikan murid benar-benar menguasai segala kemahiran Iqra' yang lengkap dengan menguasai sepenuhnya hukum-hukum tajwid, makhraj dan fasohah.

ii. Responden Murid

Jadual 3: Analisis keseluruhan responden murid

Item	Pemboleh Ubah	No Soalan	Min	Purata Min
B	Persepsi dan Pemahaman Murid	5-7	12.47	4.156
C	Amalan Pendidikan Murid	8-13	22.77	5.799
Keseluruhan			**35.24**	**3.91**

Dapatan responden murid berada tahap tinggu iaitu M=3.91. Soalan no 5, 6,7,8, 9, 10 dan 12 berada tahap tinggi apabila melepasi M=3.67 . Soalan No: 5 "*Saya meminati pelajaran pendidikan Islam*" adalah nilai min tertinggi 4.43. Sementara bagi soalan 11 dan 13 pada tahap sederhana. Soalan No: 11 " *Saya selalu membaca buku Iqra' semasa ketiadaan guru di dalam kelas*" berada pada nilai min terendah dengan M=3.12. Dapatan ini menunjukkan responden menyukai pembelajaran kaedah Iqra' kerana ianya memudahkan mereka, suka cara guru mengajar dan mendapat sokongan dari ibu bapa penjaga. Namun tahap kesediaan responden untuk membacanya ketika ketiadaan guru tidak memuaskan. Antara punca murid tidak suka membaca Iqra' ialah disebabkan kaedah ini sukar dan bukunya yang tidak menarik perhatian responden (Soalan 9). Kurang bantuan dari rakan-rakan (soalan 13) juga menjadi punca murid kurang meminati kaedah Iqra'.

iii. Responden Ibu Bapa Penjaga

Jadual 4: Analisis keseluruhan responden ibu bapa penjaga

Item	Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai
5	Saya memahami kaedah pembelajaran Iqra' dengan baik.	4.02	0.612
6	Saya berkemampuan mengajar anak menggunakan kaedah Iqra'.	3.90	0.768
7	Saya berpendapat Iqra' merupakan kaedah terbaik sebagai asas utama sebelum membaca al-Quran.	3.83	0.543
8	Saya kerap mengajar anak menggunakan kaedah Iqra'.	4.15	0.823
9	Saya menggunakan kaedah selain Iqra' ketika mengajarkan asas al-Quran di rumah.	2.98	1.107
10	Saya berpuas hati dengan maklumat pencapaian al-Quran yang disampaikan oleh pihak sekolah ketika ini.	4.00	0.866
11	Saya sering memantau dan berhubung dengan pihak sekolah melalui guru pendidikan Islam terhadap prestasi al-Quran anak saya.	3.56	0.950
12	Saya mengetahui bahawa anak saya mempunyai masalah dalam menguasai kaedah Iqra.	3.20	0.980
Keseluruhan		**29.64 =3.705**	**6.649 =5.79**

Dapatan keseluruhan menunjukkan persepsi responden dari kalangan ibu bapa penjaga berada pada tahap tinggi M=3.705. Pemboleh ubah 5, 6, 7, 8 dan 10 mempunyai nilai min yang tinggi. Sementara pemboleh ubah 9, 11 dan 12 berada pada tahap sederhana. Secara kesimpulannya responden ibu bapa penjaga mempunyai tanggapan yang baik terhadap kaedah Iqra' dan yakin bahawa kaedah ini mampu membantu murid menguasai kemahiran Iqra' dengan baik.

Maka berdasarkan dapatan yang dilakukan ke atas responden jelas menunjukkan bahawa guru, murid dan ibu bapa bersetuju bahawa kaedah Iqra' berupaya memberi kesan siginifikan

kepada penguasaan murid terhadap penguasaan al- Quran. Namun walaupun begitu responden dari kalangan guru dilihat lebih kritikal terutamanya terhadap kemampuan kaedah Iqra' membantu murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran kerana responden guru memberi nilai min yang rendah (M=3.47). Responden guru juga melihat ketidakmampuan Iqra' dalam membolehkan murid dapat menguasai kemahiran tajwid dengan baik (M=3.42) makhraj serta fasohah dengan baik (M=3.50) dan ketidakmampuan murid untuk menulis kembali ayat al-Quran yang di imla'kan (M=3.02). Responden guru juga memberi responden terendah (M=2.92) terhadap persoalan *"Tempoh masa pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Iqra' hanya di tahun 1 bagi menghabiskan 1-6 dilihat berjaya mencapai matlamatnya".*

c. **Adakah kaedah al- Baghdadi, al-Barqy dan Abahata al- Jabari dapat memberi impak yang lebih baik terhadap proses kemenjadian murid di daerah Pekan berbanding kaedah Iqra'?**

Bagi menjawab persoalan kajian di atas, beberapa analisis akan dikemukakan. Berikut adalah perbandingan kaedah Iqra' dengan kaedah al-baghdadi, Al- Barqy dan Abahata al-Jabari.

i. Analisis Perbandingan Peruntukan Bilangan Jam Belajar Jadual

Jadual 5 : Analisis Perbandingan Kandungan Buku , BBM dan Metodologi

Kaedah	Pemboleh Ubah		
	Bil Muka Surat	**BBM**	**Kaedah**
Iqra'	6 jilid (1-6) M/surat :182	Buku Iqra' 1-6	Lihat dan baca terus-*talaqi musyafahah-tasmik - tikrar*
Al-Baghdadi	1 jilid M/surat : 27	Alat Ketukan-Buku Tamhidi	Kaedah SAS- Teknik Titian Unta-Kaedah "Ketukan"
Al-Barqy	1 jilid M/surat :77	2 Set CD (Nasyid & PdPc)-buku nasyid- kad imbasan	Nyanyian -*Talaqi musyfahah – tasmik*
Abahata al-Jabari	4 jilid + 1 jilid M/surat :141	4 buku kaedah + 1 buku aktiviti	Nyanyian-set induksi-penulisan

Berdasarkan Jadual 5, kaedah Iqra' mengguna pakai 6 jilid buku (182 muka surat), al-Baghdadi 1 jilid tamhid 27 muka surat, kaedah al-Barqy menggunakan 1 jilid (77 muka surat) dan Abahata al-Jabari 4 jilid (141 muka surat). Kaedah Iqra' tidak dibekalkan dengan BBM selain buku bacaan, namun guru kebiasaannya membina BBM sendiri. Kaedah al-Baghdadi menggunakan alat ketukan dalam pembelajaran, kaedah al-Barqy pula menggunakan nyanyian yang bersesuaian dengan kemahiran tertentu manakala kaedah Abahata al-Jabari selain menekankan kepada bacaan. Ia turut memberi penekanan kepada kaedah penulisan dan tajwid. Bagi memudahkan proses pengajaran, guru juga diberikan jadual *Rancangan Pengajaran Harian* (RPH). Manakala aspek

kaedah pengajaran kaedah Iqra' lebih memberi perhatian kepada aspek lihat dan baca terus tanpa mengeja terlebih dahulu *tasmik* dan *talaqi musyafahah*. Kaedah al-Baghdadi pula memberi tumpuan kepada disiplin menyebut dengan penggunaan alat ketukan. Kaedah al-Barqy memberi tumpuan kepada pendekatan nyanyian nasyid sebagai kaedah utama dalam proses pembelajaran. Sementara Abahata al-Jabari memperkenalkan pendekatan nyanyian semasa set induksi dan tasmik semasa PdPc. Selain membaca murid juga menulis kembali huruf atau kalimah yang dibaca serta penekanan kepada hukum-hukum tajwid.

ii. Analisis Perbandingan Peruntukan Bilangan Jam Belajar Jadual

Jadual 6 : Analisis Peruntukan Bilangan Jam Belajar

Kaedah	Pemboleh ubah (Minggu dan bilangan mukasurat)								
	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M40
Iqra'	1-4	5-8	9-12	13-16	17-20	21-24	25-28	29-32	177-181
Al- Baghdadi	1	2	3	4	5	6	7	8	Ulang
Al-Barqy	1-2	3-4	5-6	7-8	9-10	11-12	13-14	15-16	Ulang
Abahata al-Jabari	1-3	4-6	7-9	10-12	13-15	16-18	19-21	22-24	138-141

Berdasarkan Jadual 6, kaedah Iqra' memerlukan 4 muka surat dikuasai setiap minggu dalam tempoh 40 minggu. Manakala kaedah al-Baghdadi memerlukan satu muka surat pada pada setiap minggu dan akan tamat kesemua kemahirannya pada minggu ke 27. Sementara kaedah al-Barqy dua muka surat pada setiap minggu sehingga minggu ke 38. Manakala bagi kaedah Abahata al-Jabari setiap minggu diperuntukkan 3 muka surat kecuali pada minggu ke 40 sebanyak empat muka surat. Berdasarkan unjuran di atas kaedah al-Baghdadi mempunyai tempoh masa yang paling singkat untuk ditamatkan iaitu 28 minggu sekiranya murid membaca satu muka surat seminggu. Sementara kaedah Iqra' mempunyai tempoh masa yang paling lama iaitu 40 minggu dengan purata 4 muka surat seminggu.

iii. Analisis Dapatan Tinjauan PdPc al-Baghdadi dan Abahata al-Jabari

Tinjauan pemerhatian ini dilakukan secara berstruktur ke atas PdPc Iqra', al-Baghdadi dan Abahata al-Jabari. Pemerhatian ini dilaksanakan berpandukan jadual senarai semak skop dan bidang yang dinilai. Skala likert tiga mata digunakan bagi menilai instrumen yang ditentukan. Kedua – dua pemerhatian ini dilakukan selama 2 hari iaitu al- Baghdadi pada 7 dan 14 Mac 2022 jam 8.00 – 10.00 pagi dan Abahata al-Jabari pada 16 dan 17 Mac 2022 jam 8.30- 10.00 pagi. Manakala Iqra' pada 8 Mac 2022.

Jadual 7: Dapatan responden ibu bapa penjaga

Skop	Al-Baghdadi (Min)	Al-Jabari (Min)	Iqra' (Min)

Set Induksi	4.0	5.0	3.0
PdPc	4.0	5.0	4.0
Aktiviti Penutup	4.0	5.0	3.0
Aktiviti Pengukuhan	4.0	5.0	4.0
Penggunaan BBM	4.0	5.0	3.0
Interaksi Bersama Murid	4.0	4.0	4.0
PAK 21	4.0	4.0	2.0
Keberkesanan/ Kemenjadian	4.0	5.0	3.0
JUMLAH (Min)	**32.0 = 4.00**	**38.0 = 4.75**	**26.0 = 3.25**

** Kaedah al-Barqy tidak dilaksanakan kajian tinjauan*

Dapatan tinjauan mendapati kaedah Abahata al-Jabari mendapat skor tertinggi iaitu M=4.75 berbanding kaedah Al-Baghdadi iaitu M=32.0 dan Iqra M=26.0. Abahata al-Jabari mendapat skor min tertinggi pada semua skop kecuali interaksi bersama murid dan Pembelajaran Abad ke 21 (PAK21). Dapatan secara jelas menunjukkan kaedah Abahata al-Jabari mempunyai strategi pendidikan yang lebih berkesan dan tersusun berbanding dengan kaedah lain.

iv. Analisis Dapatan Ujian Kemahiran Membaca dan Menulis

Penyelidik telah melakukan ujian kecerdasan bagi mengenalpasti kemampuan murid yang mempelajari kaedah tertentu . Berikut analisis dari ujian yang telah dijalankan;

Jadual 8 : Analisis Ujian Kemahiran Membaca dan Menulis

Skop	Al-Baghdadi (Min)	Al-Jabari (Min)	Iqra' (Min)
Huruf Tunggal Tanpa Berbaris	5.0	5.0	4.0
Huruf Tunggal Berbaris	4.0	5.0	5.0
Huruf Bersambung Pelbagai Baris	5.0	5.0	4.0
Bacaan *Muqata'ah*	5.0	4.0	40
Bacaan *Syaddah*	5.0	5.0	4.0
Bacaan *Tanwin*	5.0	5.0	5.0
Bacaan *Lin* (Lembut)	4.0	5.0	4.0
Bacaan *Qalqalah*	5.0	5.0	5.0
Membaca Dengan Tajwid	5.0	4.0	3.0
Membaca Dengan *Makhraj*	5.0	5.0	4.0
Membaca Dengan *Fasohah*	5.0	5.0	4.0
Menulis Bacaan Yang Di *imla'*	4.0	5.0	3.0
Menyambung & Mencerakin	4.0	5.0	4.0
JUMLAH (Min)	**61.0 (4.69)**	**63.0 (4.84)**	**49.0 (3.77)**

** Kaedah al-Barqy tidak dilaksanakan kajian tinjauan*

Dapatan ujian kemahiran yang dijalankan penyelidik menunjukkan pelajar Abahata al-Jabari

mendapat nilai min yang tinggi iaitu M=4.84 berbanding kaedah lain. Kesemua ujian bacaan mendapat nilai min M= 5.0 kecuali huruf *muqataah* dan membaca dengan tajwid. Manakala kemahiran menulis turut mendapat nilai M=5.0. Kaedah Iqra' mendapat nilaian purata min yang paling rendah M=3.77. Murid Iqra' tidak dapat mencerakinkan huruf yang diimlakkan dengan baik.

v. Analisis Dapatan Kajian Perpustakaan Kaedah Al-Barqy

Kajian perpustakaan dilakukan penyelidik terhadap kaedah al-Barqy disebabkan keterbatasan maklumat berkaitannya. Dapatan hanya diperolehi melalui penulisan jurnal, tesis dan penulisan kreatif yang diperolehi melalui capaian internet dari laman web negara Indonesia. Ia disebabkan kaedah ini cukup popular di sana. Beberapa penyelidikan yang telah dilakukan ialah;

i. Saprun, Saprun (2009) *Penerapan Metode Pembelajaran Al-Quran bagi siswa kelas 3 dan 4 Sekolah Dasar Muhammadiyyah (rujuk : http:eprints.ums.ac.1d/64/60/)*

ii. Eva Mashitoh Wijayanti (2010*) Penggunaan Metode al-Barqy Untuk Membaca Huruf Hijaiyyah Pada Anak Tunarungu Kelas 8 SMP Di SLB B YR TRW Surakarta* .

iii. Zizah Lilik (2006) Efektivititas pembelajaran Baca Tulis Al-Quran Dengan Menggunakan Buku Al-Barqy di Taman Pendidikan Al-Quran Nurut At-Taqwa malang.

Menerusi kajian ini di dapati kaedah ini amat bersesuaian khususnya terhadap murid yang mempunyai masalah pembelajaran seperti anak *Tunarungu* iaitu murid yang mempunyai masalah pendengaran. Murid dapat bergerak dan menunjukkan keaktifan semasa PdPc dijalankan. Menurut pengasasnya, Muhadjir Sulthon (1999) ia disusun dengan dengan praktis dan mempunyai keistimewaan sehingga digelar metod *"Anti Lupa"*

VI. Rumusan Keseluruhan

Berdasarkan dapatan dari soal selidik, kajian tinjauan dan kajian perpustakaan yang diperolehi dari persoalan kajian yang telah ditetapkan maka penyelidik telah merumuskan seperti berikut :

Jadual 9 : Rumusan Keputusan Persoalan Kajian Keberkesanan Kaedah Iqra' Terhadap Kemenjadian Murid di Daerah Pekan Pahang.

Bil	Persoalan Kajian	Iqra' (Min)
5.4.1	**Sejauh mana tahap penguasaan al-Quran murid daerah Pekan?**	Sederhana
5.4.2	**Sejauh manakah tahap penguasaan al-Quran murid daerah Pekan?**	
	- Responden (Guru)	Sederhana
	- Responden (Murid)	Tinggi
	- Responden (Penjaga)	Tinggi

5.4.3	**Sejauh mana keberkesanan kaedah al-Baghdadi, Abahata Al-Jabari dan al-Barqy berbanding kaedah Iqra'?**	
	a) **Kandungan buku, BBM dan metodologi**	
	(tinjauan perpustakaan)	
	- al-Baghdadi	Tinggi
	- Abahata al-Jabari	Tinggi
	- al-Barqy	Tinggi
	- Iqra'	Sederhana
	b) **Peruntukan jam belajar** *(tinjauan perpustakaan)*	
	- al-Baghdadi	Tinggi
	- Abahata al-Jabari	Sederhana
	- al-Barqy	Tinggi
	- Iqra'	Sederhana
	c) **Strategi PdPc** *(kajian pemerhatian)*	
	- al-Baghdadi	Tinggi
	- Abahata al-Jabari	Tinggi
	- Iqra'	Sederhana
	* *al-Barqy tidak dijalankan kajian lapangan*	
	d) **Ujian Kemahiran Membaca dan Menulis**	
	(kajian pemerhatian)	
	- al-Baghdadi	Tinggi
	- Abahata al-Jabari	Sederhana
	- Iqra'	Sederhana
	* *al-Barqy tidak dijalankan kajian lapangan*	
	e) **Temubual bersama tenaga pengajar**	
	S1- Apakah faktor keberhasilan keistemewaan kaedah anda?	

	• **Jawapan Al- Baghdadi** "*Kaedah ini memberi penekanan kepada makraj , sebutan huruf dan hukum tajwid. Setiap guru al- Baghdadi perlu menguasainya terlebih dahulu sebelum layak membuka kelas pengajian. Sebutan huruf dapat di disiplinkan dengan penggunaan alat ketukan walaupun pada peringkat awal pelajar agak sukar mengkoordinasi antara sebutan dan perbuatan "mengetuk".* • **Jawapan Abahata al-Jabari** *"Susunan hurufnya tidak tersusun berbanding kaedah lain, namun pendekatan nyanyian lagu mampu menjadikan murid mengingatinya. Sebagai tindakan pengukuhan, murid dikehendaki menulis kembali huruf yang dibacanya tanpa melihat buku. Murid dapat mengenal , menyebut dan menulis (imlak) serta dapat membezakan huruf yang boleh bersambung dengan tidak boleh bersambung .Buku 2 lebih memberi penekanan kepada huruf yang bersambung. Berbanding kaedah Iqra' kebanyakan murid akan menghafal kerana susunan yang sebenar terdapat di bahagian bawah."* **S2 -Berapa tempoh jangka masa yang diperlukan oleh seseorang yang menggunakan kaedah ini dapat menguasai al- Quran? Adakah terdapat perbezaan di kalangan kanak- kanak dan murid dewasa?** • **Jawapan Al- Baghdadi** '*Terdapat perbezaan khususnya bagi peringkat muda berbanding peringkat usia emas. Bagi kanak-kanak seusia 7-12 tahun mungkin mengambil sedikit masa bagi menyesuaikan diri namun ia tidak sesukar warga emas (45 tahun ke atas). Manakala golongan remaja atau belia sekitar 13-40 tahun ialah golongan yang senang untuk dilatih dan tidak mengambil masa yang lama"* • **Jawapan Abahata al-Jabari** *"Terdapat perbezaan , bagi kanak- kanak ia mengambil masa tempoh setahun iaitu dari awal persekolahan hingga akhir tahun kerana tumpuan murid juga kepada pembelajaran lain. Manakala bagi golongan remaja , dewasa dan warga emas biasanya kaedah telah menetapkan tempoh tertentu seperti 30 Jam baca tulis dan tajwid dan ianya terbukti berkesan".*	

PERBINCANGAN

Tujuan utama kajian ini adalah mengenal pasti tahap penguasaan murid dan kemampuan guru dalam PdPc kaedah Iqra'. Selain itu penyelidik juga meneliti tahap kefahaman dan kesedaran penjaga terhadap penggunaan kaedah Iqra' di dalam PdPc anak mereka di sekolah. Sebagai

perbandingan penyelidik telah mengkaji 3 kaedah lain iaitu al-Baghdadi , Abahata al-Jabari dan al-Barqy . Hasil dapatan yang diperolehi telah dijelaskan di atas akan dibincangkan dalam bahagian ini.

a. Perbincangan dan cadangan tahap penguasaan al-Quran murid di daerah Pekan

Berdasarkan jadual pencapaian khatam al-Quran bulan Mei 2022, jumlah bilangan murid yang belum menguasai kemahiran Iqra' (1-6) ialah 6179 (56.6%) 4675 (42.8%) murid yang telah membaca al-Quran dan mengkhatamkannya. Daripada jumlah itu seramai 321 (18.43%) orang murid tahun 6 masih lagi membaca Iqra' walaupun kemahiran tersebut perlu dikuasai seawal tahun satu. Maka penyelidik merumuskan bahawa penguasaan al-Quran dikalangan murid sekolah rendah di daerah Pekan bagi bulan Mei 2022 berada pada tahap kurang memuaskan.

b. Perbincangan keberkesanan kaedah Iqra' berdasarkan persepsi guru, murid dan penjaga

i. Perbincangan dan cadangan dapatan responden guru

Berdasarkan dapatan soal selidik yang yang telah dianalisis, antara punca utama kegagalan kaedah Iqra' ialah kegagalan kaedah Iqra' menghasilkan murid yang dapat menguasai bacaan Iqra' semasa berada di tahun satu. Seterusnya bilangan ini akan bertambah sekiranya naik ke tahun dua. Responden guru berpendapat tempoh masa satu tahun bagi murid tahap satu menamatkan kaedah Iqra' sesuatu yang sukar dilakukan disebabkan beberapa faktor seperti sikap murid, kekangan masa, buku kaedah Iqra' yang tidak menarik dan terlalu tebal dan masalah pembelajaran . Faktor kekangan masa seperti tempoh tasmik yang sedikit iaitu 1 jam seminggu atau 2 hingga 3 minit semasa proses talaqi musyafahah bagi seseorang murid tidak mencukupi. Bebanan akan bertambah sekiranya bilangan murid satu-satu kumpulan terlalu ramai. Walaupun responden guru memahami dengan jelas objektif dan kaedah pengajaran Iqra' namun kursus dan bengkel-bengkel pemantapan Iqra' harus di adakan dari masa ke semasa. Maka penyelidik mencadangkan beberapa perkara:

a. Murid tahap satu (tahun 1, 2 dan 3) membaca Iqra' semasa PdPc al-Quran.
b. Murid tahap dua (tahun 4, 5 dan 6) membaca al-Quran semasa PdPc al-Quran.
c. Pembelajaran hukum tajwid, makhraj dan fasohah di ajar bagi murid tahap satu dan tambahan bacaan taranum bagi tahap dua.
d. PdPc tasmik ditambah baik dengan membekalkan lebih banyak buku-buku Iqra', mushaf al-Quran dan buku aktiviti penulisan .
e. Mengadakan lebih banyak kursus dan bengkel pemantapan Iqra' kepada guru.

ii. Perbincangan dan cadangan dapatan responden murid

Walaupun responden murid memberi nilaian persepsi yang baik namun kesediaan mereka untuk membaca Iqra' ketika ketiadaan guru atau semasa rakan lain di *tasmik* perlu di beri perhatian. Selain dari sikap murid itu sendiri namun penyelidik berpendapat beberapa perkara perlu dilakukan. Untuk tujuan penyelidik mencadangkan beberapa perkara berikut:

a. Memperbanyakkan aktiviti penulisan semasa PdPc *tasmik*.
b. Menambah baik kandungan buku Iqra' dengan memasukkan elemen warna dan ilustrasi.
c. Mempelbagai pendekatan guru.

iii. Perbincangan dan cadangan dapatan responden penjaga

Berdasarkan dapatan ibu bapa penjaga, tahap pemahaman dan kebolehpercayaan ibu bapa penjaga berada pada tahap yang tinggi M=3.705. Item 8 "*Saya kerap mengajar anak menggunakan kaedah Iqra"* mendapat nilai min yang paling tinggi M=4.15 diikuti item 5 (M= 4.02) , item 10 (4.00) dan 7 (M=3.83) . Dapatan di atas menunjukkan ibu bapa penjaga mempunyai persepsi yang baik terhadap PdPc yang menggunakan kaedah Iqra'dan berkemampuan mengajar anak menggunakan kaedah Iqra'. Dapatan ini dilihat bertepatan dengan laporan Plowden dan rakan-rakan (1967) mencadangkan guru dan ibu bapa harus bekerjasama dalam mendidik pelajar. Dalam hal ini guru patut mengetahui latar belakang pelajar sementara ibu bapa perlu mendapat maklumat mengenai perkembangan anak-anak mereka di sekolah.

c. Perbincangan sejauh manakah kaedah al- Baghdadi, al-Barqy dan Abahata al- Jabari dapat memberi impak yang lebih baik terhadap proses kemenjadian murid di daerah Pekan berbanding kaedah Iqra'?

Tahap keberkesanan kaedah Iqra'berbanding kaedah lain dapat diukur melalui:

i. Kemahiran membaca

Jadual menunjukkan kaedah al-Jabari memberi kesan yang lebih baik terhadap keberkesanan murid dalam menguasai PdPc M=4.75 berbanding al-Baghdadi M=4.00 dan Iqra' M=32.0. Hasil temubual yang dijalankan pengamal kaedah Abahata al-Jabari menjelaskan bahawa murid yang mempelajari dapat menguasai al-Quran dalam tempoh yang singkat (tiga jam pembelajaran) bagi golongan remaja, adapun bagi murid- murid di usia 7-12 tahun dapat menguasai keempat-empat buku dalam tempoh satu tahun.Ia dilihat dengan kaedah Iqra' , dapatan menunjukkan murid tahun satu tidak dapat menghabiskan Iqra' pada tahun semasa bahkan 70% tidak melepasi Iqra'4.

Oleh itu, penyelidik berpandangan kaedah yang membolehkan murid dapat menguasai kemahiran membaca dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah kaedah yang sepatutnya menjadi pilihan.

ii. Kemahiran Menulis

Salah satu kemahiran penting dalam menguasai kaedah al-Quran ialah kemampuan menulis huruf atau kalimah tertentu. Melalui kaedah Iqra' guru-guru tidak diminta memberikan sebarang bentuk latih tubi yang melibatkan aktiviti menulis semasa *tasmik*. Ini dilihat berbeza dengan kaedah Abahata al-Jabari, kaedah ini memberi peluang kepada murid menulis huruf atau kalimah tertentu. Manakala dalam kaedah al-Baghdadi ia juga tidak menitik beratkan kemahiran menulis. Sementara kaedah al-Barqy ia menggalakkan murid membaca sendiri, memisah sendiri, memilih sendiri dan

memadu sendiri kalimah-kalimah tertentu.

Penyelidik berpandangan kemahiran menulis perlu diterapkan semasa melaksanakan PdPc tasmik kerana ia dapat membantu murid menguasai kemahiran menyambung dan mencerakinkan huruf tunggal seterusnya meningkatkan penguasaan jawi. Melaksanakan aktiviti yang berbentuk penulisan juga dapat membantu guru dalam mengawal kelas dengan lebih baik.

iii. Menguasai Hukum Tajwid dan Makhraj

Kaedah Iqra' tidak memberi penekanan kepada hukum tajwid dan makhraj. Ia dilihat berbeza dengan kaedah Abahata al-Jabari dan al-Baghdadi kerana kandungan buku Iqra' tidak memperuntukkannya. Kaedah al- Baghdadi dan Abahata al-Jabari memberi penekanan kepada persoalan makhraj. Bahkan guru- guru Abahata al-Jabari diajar menyanyikan lagu *"Hukum-hukum Tajwid"* semasa kursus TOT (Train of Trainer). Melalui pendekatan nyanyian murid-murid dapat mengingati hukum- hukum tajwid dengan mudah.Penyelidik berpendapat penguasaan membaca dengan tidak menitik beratkan persoalan tajwid dan makhraj adalah satu kerugian kepada sistem pendidikan al-Quran. Maka penyelidik mencadangkan agar murid tahap satu (1-3) tidak dibebankan dengan membaca al-Quran tetapi lebih memfokuskan kepada bacaan kalimah tertentu.

IMPLIKASI KAJIAN

Secara keseluruhannya , hasil kajian ini menunjukkan tahap pencapaian khatam al-Quran daerah Pekan Pahang berada pada tahap sederhana. Namun sebaliknya persepsi responden berada pada tahap yang tinggi. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh persepsi responden tanpa melihat pencapaian keseluruhan bagi tahun semasa. Berdasarkan analisis terbuka, di dapati beberapa kekuatan dan kelemahan kaedah Iqra' berbanding kaedah al- Baghdadi, al-Barqy dan Abahata al-Jabari yang menjadi faktor kepada pencapaian di atas. Pendekatan yang dilakukan kaedah Iqra' berbeza dengan kaedah-kaedah lain. Kaedah Iqra' memberi penekanan kepada kaedah sebutan berbanding al-Baghdadi yang memberi penekanan kepada makhraj dan hukum tajwid selain sebutan. Kaedah al-Barqy sama seperti Iqra' memberi penekanan kepada kaedah sebutan namun ia menyelitkan unsur-unsur nyanyian dalam setiap kemahiran tertentu. Sementara kaedah Abahata al-Jabari lebih memberi tumpuan kepada penulisan dan hukum tajwid. Walaupun kesemua kaedah yang dibincangkan ini mempunyai matlamat yang sama namun penggunaan pendekatan dan teknik berkesan sudah tentu memberi impak yang lebih baik berbanding dengan kaedah yang kurang memberi penekanan kepada aspek-aspek tertentu.

HALA TUJU DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

a. Kajian lanjutan perlu dilakukan dengan lebih terperinci terhadap persepsi guru pendidikan Islam (GPI) agar penambaikan kaedah Iqra' dapat dilakukan pada masa ke semasa.

b. Cadangan kajian boleh dijalankan terhadap guru pendidikan Islam di sekolah rendah swasta yang menggunakan kaedah Iqra' sebagai medium pembelajaran asas al- Quran. Kajian ini bukan hanya ditumpukan kepada daerah tertentu bahkan ke seluruh negara.

c. Penyelidik juga mencadangkan kajian perbandingan ini bukan hanya terhad kepada kaedah al-Baghdadi , al-Barqy dan Abahata al-Jabari sahaja bahkan terhadap kaedah- kaedah lain seperti Qira'ati, Kalam, Nur Al-Yaqeen, Hattawiyah dan lain- lain.

d. Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu berusaha mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang berlaku disebabkan penggunaan kaedah Iqra' terhadap kemenjadian murid di sekolah rendah.

e. Penyelidik juga mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pendidikan asas al-Quran dirangka semula mengikut kesesuaian dan kemampuan murid. Kaedah yang dirangka kelak mesti berupaya membantu murid yang mempunyai masalah pembelajaran agar mereka tidak jauh ketinggalan berbanding rakan-rakan yang lain, mesra murid, bersifat menyeluruh merangkumi hukum tajwid dan makhraj serta memasukkan elemen penulisan dalam kaedah tersebut.

f. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) juga disaran bekerjasama dengan KPM dalam melatih lebih ramai Jurulatih Utama (JU) yang terdiri daripada guru pendidikan Islam yang mampu menguasai kaedah Iqra' dengan baik.

g. Jabatan Pendidikan Negeri dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) perlu membuat pemantauan secara berkala ke sekolah-sekolah tertentu bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kaedah Iqra' ketika PdPc model *tasmik* dan khatam al-Quran.

h. Guru Besar dan pentabiran sekolah juga perlu kerap memantau perkembangan murid dan bersedia menyediakan prasarana pendidikan Islam seperti bilik j-QAF, LCD dan buku Iqra' bagi memastikan guru dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik.

i. Penyelidik juga mencadangkan beberapa aspek dan pendekatan dalam kajian perlu ditambah baik seperti jumlah sampel yang besar dan memperluaskan skop kajian tanpa memfokuskan kepada aspek tertentu dalam kaedah al-Quran.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

Al- Quran al Karim.

Abdul Aziz, N. A., & Jaafar, N. (2018). *Penguasaan Pembelajaran al-Quran Berbantukan Aplikasi Multimedia Interaktif Smart Iqra': Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Pulau Pinang*. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, *2*(2), 24–36. https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no2.16.

Ahmad Saipuddin bin Saat. (2011). *Kaedah ABaTa, Cara Mudah Belajar Membaca Al- Quran Secara Bertajwid dan Berperingkat.* Bunga Jiwa Enterprise.

Bahagian kurikulum pendidikan Islam dan moral JAPIM. (2006). *Buku Panduan Dasar, Perlaksanaan Dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*.

Fahimah A.H, Hussin , & Razak, K. A. (2013). *Isu dan Cabaran Terhadap Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah*. Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan J-QAF.

Hj As'ad Humam. (2013). *Iqra'***.** Darul Filkr.

https://jpnpahang.moe.gov.my/

Jalaluddin Hasanuddin Al- Baghdadi. (2012). *Tamhid Al- Baghdadi.* Innovative Print Press Sdn Bhd.

Jasmi, K. A., Aderi, M., & Noh, C. (2013). *Sejarah , Kaedah Serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Fakulti Pendidikan* , Universiti Kebangsaan Malaysia Suggested Citation : *Bengkel Pemulihan Dan Pengayaan Pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Al-Quran SRA JAWI (Remedial and Enrichment Workshop for Teaching and Learning Quran SRA JAWI) At*, *16*(January 2013), 1–17.

Lee Shok Mee. (*1997). Psikologi Pendidikan 2, Teori Dan Aplikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran.* Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Mazarul Hassan et,al. (2020). Kesediaan Guru Pendidikan Islam Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP) eISSN: 2682-8464 Vol.2 No. 2 [June 2020].

Mohamed, S., Abd Wahab, M. Z., Sulaiman, N., & Majid, M. A. (2021). Model Baru Pengajaran al-Quran Menggunakan Kaedah Iqra'. *Jurnal Pengajian Islam*, *14*(2), 28–42.

Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Azmil Hashim, & Kamarulzaman Abd. Ghani. (2015). Kesediaan Guru dalam Pengajaran Model Tasmik Program j- QAF. *Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU) Journal*, *1*(1), 1–13.

Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur.

Moyang, S. N., & Razak, K. A. (2022). *Kompetensi Guru Pendidikan Islam Menggunakan Google Meet Untuk Pengajaran al-Quran (Islamic Education Teachers ' Competency in Adopting Google Meet in Teaching al-Quran)*. *7*(3).

Muhadjir Sulthon. (2001). *Kaedah Cepat Membaca Al Quran AL BARQY… Secepat Kilat.* Riyaadul Ameen Sdn Bhd.

Mustafa , C., Nik Hassan, S., Abdullah, Y., & Abdul Hakim, A. (2015). *Kesukaran Mengajar dan Belajar al-Quran dalam Kalangan Pelajar Pekak: Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam.* International Seminar on al-Quran in Contemporray Society (pp. 208-221).

Neuman, W. L., & Wiegand, B. (2000) *Criminal justice research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Allyn and bacon Boston.

Norsyida Md.Zin , Sedek Ariffin , Norhidayah Yusoff. (2014). *Keberkesanan Teknik Iqra' dan Al-Baghdadi : Suatu Perbandingan*. Jurnal Usuluddin Universiti Malaya.

Paharudin Arbain, Misnan Jemali, Ibrahim Hashim, & Azmil Hashim. (2014*). Persepsi Murid Terhadap Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Guru Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Murid Dalam Tilawah Al-Quran Program J-QAF*. Jurnal Penyelidikan Dedikasi, 8, 1–15.

Plowden Bridget, et al. (1967). *Children and Their Primary Schools: A Report of the Central Advisory Council for Education (England).* London: H.M.S..0.

Sapie Sabilan, Barinah Ibrahim, Suhana Mohamed Lip, Mohamad Fuad Ishak, & Siti Nga'ishah Mohni. (2016*). Analisis Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam Al-Quran Dan Model Tasmik J-Qaf. International Conference on Islamic Education & Research (ICIER 2016)*, *May*, 1–19.

Syeidah Nusailah Mohd Haer. (2018). *Kaedah Pengajaran al-Quran kepada Orang Kurang Upaya Pendengaran di Sekolah Khas Pertuturan Kiu, Kuala Lumpur*. Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tamuri, A. H., Ismail, A. M., Md. Noor, A. H., & Mohd Pisol, M. I. (2013). *Penilaian Guru Terhadap Pelaksanaan Model-model Tilawah al-Quran Program j-QAF*. *International Journal of Islamic Thought*, *3*(1), 1–17.

Tarigan, Henry Guntur & Djago. (1984*). Pengajaran Analisis Kesalahan Berbahasa.*

Bandung. Penerbit Angkasa.